

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang 1986/87

HGG 453 - Pengurusan Sumber

Tarikh 8 April 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 t/hari

(3 Jam)

Jawab EMPAT(4) soalan. DUA(2) soalan daripada tiap tiap Bahagian A dan B.

Tiap tiap soalan membawa markah yang sama.

BAHAGIAN A

1. Bezakan di antara pengurusan sumber dan pemuliharaan sumber. Dengan memberikan contoh-contoh tertentu bincangkan kepentingan pemuliharaan sumber-sumber alam bagi penggunaan generasi akan datang.
2. Bezakan di antara pengurus sumber (resource managers) dari Juruanalisis sumber (resource analysts). Dengan memberikan contoh-contoh bincangkan jenis-jenis penyelidikan geografi di dalam analisis sumber.
3. **SAMA ADA**
 - (a) Bincangkan pembangunan dan pengurusan sumber air ATAU sumber hutan bagi mana-mana negara membangun yang anda mempunyai pengetahuan khusus.

ATAU

- (b) "Pembangunan dan pengurusan sumber alam yang boleh habis mestilah dilaksanakan melalui perancangan dan pengurusan berkesan".

Bincangkan pernyataan ini dengan merujuk kepada sumber-sumber mineral tertentu.

4. Bincangkan dua model pengurusan sumber. Sejauh manakah model-model tersebut dapat digunakan sebagai alat untuk memahami angkubah-angkubah asas dan proses-proses berkaitan dengan sistem sumber atau peraturan-peraturan di dalam pembahagian sumber.

BAHAGIAN B

5. SAMA ADA

- (a) Apakah prinsip-prinsip analisis kos menafaat? Bincangkan bagaimana analisis kos menafaat ini dapat dipergunakan di dalam penilaian projek.

ATAU

- (b) Nilaiikan kaedah penilaian Impek Alam Sekitar Leopold dan McHarg.

6. Bincangkan peranan sumber alam di dalam Dasar Nasional Malaysia Sejak 1970. Sejauh manakah dasar ini mengambil kira pengurangan di dalam kualiti dan kuantiti sumber alam?
7. "Keputusan berkenaan dengan pembangunan dan pengurusan sumber alam bergantung kepada opsyen yang ada, persepsi pemimpin terhadap masalah dan keutamaan mereka".

Bincangkan pernyataan ini dalam konteks Malaysia.

8. Nyatakan dari segi manakah penyertaan awam boleh mempengaruhi pengeksploitasian sumber oleh sesebuah agensi kerajaan. Bagaimanakah persepsi, sikap orang ramai dan media massa memainkan peranan penting dalam menentukan keberkesanan penyertaan awam di dalam pengurusan sumber.

-ooo000ooo-